

Sinar Harian selesai masalah



Keadaan tebing yang dibaiki hasil pendedahan Sinar Harian. Gambar kecil: Muhd Taufik.

KERLING - Penduduk Kampung Orang Asli Kuala Kerling gembira apabila masalah tebing terhakis dan runtuh di Jalan Batu Dua, di sini, selesai setelah pendedahan *Sinar Harian*.

Batin Kampung Orang Asli Kuala Kerling, Muhd Taufik Abdullah berkata, pendedahan dibuat *Sinar Harian* mengenai masalah dihadapi penduduk membawa penyelesaian segera.

"Saya mewakili penduduk berterima kasih kepada *Sinar Harian* kerana membuat pendedahan awal mengenainya.

"Kami gembira dan bersyukur kerana tidak perlu lagi bimbang untuk melalui jalan yang bermasalah sebelum ini," katanya.

Difahamkan, hasil pendedahan *Sinar Harian*, Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas)

membuat penyambungan paip pecah pada tebing yang terhakis manakala Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menambah runtuhan dan membaiki hakisan tebing terbabit.

Menurutnya, pendedahan menerusi *Sinar Harian* dilihat memberi kesan sehingga membawa kepada penyelesaian oleh jabatan dan agensi yang bertanggungjawab.

"Kebimbangan penduduk terutamanya dari perkampungan Orang Asli dan Ladang Sungai Jernih terputus hubungan didedahkan *Sinar Harian* mendapat perhatian pihak bertanggungjawab.

"Dulu penduduk bimbang dan kini segalanya dibaiki dan kawasan terbabit selamat dilalui," katanya.